

Headline	Tips Penjimatan Elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	288 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,232		



# Tips Penjimatan Elektrik

- Gunakan lampu meja untuk pencahayaan yang khusus sahaja
- Gunakan cahaya semula jadi untuk menerangi bilik pada waktu siang
- Bersihkan habuk pada lampu dengan kerap untuk penataan cahaya yang sekata
- Elakkan membuka pintu peti sejuk dengan kerap kerana lebih tenaga diperlukan untuk mengekalkan suhu rendah
- Jangan meletakkan makanan yang panas ke dalam peti sejuk kerana ia boleh menyebabkan peti sejuk menggunakan tenaga yang lebih untuk mengekalkan suhu rendah
- Seterika pakaian dalam jumlah yang besar untuk mengelakkan pembaziran tenaga ketika pemanasan seterika
- Tukarlah kepada lampu jimat tenaga untuk pencahayaan dalaman
- Bersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap. Aliran udara yang lancar dapat mengurangkan penggunaan tenaga
- Gunakan tangga ke aras terdekat bagi menjimatkan elektrik
- Tukar peralatan elektrik yang melebihi tempoh 10 hingga 15 tahun bagi penggunaan tenaga yang lebih cekap
- Tutup dan tanggalkan plag peralatan elektrik yang tidak digunakan bagi menjimatkan penggunaan elektrik
- Tetapkan suhu pendingin hawa di antara 24 hingga 26 darjah Celsius untuk menjimatkan tenaga
- Tanamlah pokok teduhan bagi mengurangkan bahang kepanasan di dalam rumah